

BAB V

KELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PENGUNDI

Dalam tiap-tiap sistem pilihanraya mestilah ada pengundi. Dari itu perlulah ditentukan, siapakah yang boleh menjadi pengundi. Sistem pilihanraya sendiri sebenarnya boleh dimaksudkan sebagai semua sekali keperluan-keperluan asas kearah mengadakan pilihanraya. Sebelum pilihanraya diadakan, mesti ada bahagian-bahagian pilihanraya daftar pemilih dan pengundi. Peranan pengundi ini menunjukkan dengan jelas jaminan kepada para pengundi untuk memajukan hasrat mereka melalui sistem pilihanraya. Tiap-tiap satu unsur dalam sesuatu sistem pilihanraya itu adalah penting. Ianya saling berkaitan dan tidak boleh bersendirian. Ada orang yang menyatakan peranan pengundi itu adalah penting "One can have no election at all without voter..."⁷⁵

Pengundi-pengundi yang diberikan hak mengundi hendaklah mempunyai kelayakan yang secukupnya supaya hak itu dapat digunakan dengan sewajarnya.

Pada prinsip amnya beberapa kelayakan ditentukan terhadap mereka yang layak mengundi. Antaranya, ialah kelayakan warganegara umur, jantina, mastautin (resident) dan lain-lain lagi.

⁷⁵ Mackenzie, W.J.M., Free Election, George Allen and Unwin, London, 1967, m.s. 19.

Kelayakan dari segi umur adalah untuk menentukan supaya pengundi itu benar-benar 'cukup umur' dan matang. Iaitu supaya mereka dapat membuat pilihanraya yang sewajarnya.

Selain daripada itu ada golongan yang dikelaskan sebagai tidak layak untuk mengundi. Antaranya ialah mereka yang gila atau punya kelemahan mental, mereka yang dipenjarakan kerana disabitkan dengan kesalahan jenayah, dan lain-lain lagi.

Disetengah-setengah negara mempunyai syarat-syarat tertentu untuk 'kelayakan istimewa pengundi' kerana sesuatu 'political struggle' atau tolakansur yang terdapat di negara itu sendiri.⁷⁶

Bila diadakan pilihanraya tidaklah bererti semua yang layak mengundi itu bebas mengundi dimana-mana mengikut sesuka-hati ataupun mengundi melebihi daripada satu tempat mengundi. Ini adalah kerana hanya mereka yang telah mendaftarkan diri sebagai pemilih bagi satu kawasan pilihanraya akan dibenarkan membuang undi disalah satu tempat mengundi yang ditetapkan baginya. Ini adalah untuk menjamin supaya pilihanraya berjalan dengan licin dan hak seorang satu undi diamalkan.

Pengundi yang layak mengundi hanya mengundi jika ianya mendaftarkan didaftar pengundi bagi sesuatu kawasan pilihanraya yang tertentu.

⁷⁶ Ibid., m.s. 25.

Daftar pengundi yang baik adalah 'asas' kejayaan sesuatu sistem pilihanraya.⁷⁷ Ia menyebut mereka-mereka yang layak mengundi yang terdaftar sahaja, bagi sesuatu kawasan pilihanraya.

Daftar pengundi merupakan rekod yang penting. Tugas mendaftar pengundi selalunya diserahkan kepada sesuatu badan (di Malaysia tugas ini diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya). Selain daripada mendaftar pengundi-pengundi baru, perlu juga dari masa kemasa diadakan penyimakkkan pada daftar pengundi yang ada supaya daftar itu muktamad.

Persoalan Pendaftaran Di Malaysia

Ketika pilihanraya mula-mula diperkenalkan dulu pada tahun 1955, beberapa masalah timbul berkaitan dengan pengundi dan pendaftaran pengundi. Selain daripada masalah kewargenagaraan timbul juga masalah corak daftar pengundi itu sendiri, ini adalah kerana memandangkan penduduk Malaysia yang berbilangbangsa. Mula mulanya dibuat pilihan antara daftar pengundi menurut kaum dan daftar undi yang umum.⁷⁸ Tetapi akhirnya dipilih daftar undi umum supaya perpaduan berbagai kaum dapat dikekalkan.

Penggunaan daftar pilih umum ini digunakan hingga sekarang.

⁷⁷Ibid., m.s. 115.

⁷⁸Ratnam, K.J., Paham Perkauman dan Peroses Politik di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 204.

Di Malaysia Barat, pendaftaran pemilih telah dimulakan dalam tahun 1958 pada tiap-tiap tahun, kecuali apabila larangan-larangan aktiviti pilihanraya dikenakan, pendaftaran pemilih diadakan. Pada masa pendaftaran dibuka, semua orang layak menjadi pemilih mengikut kehendak Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan boleh mendaftarkan diri. Berikut ialah Jadual Tambahan bilangan pengundi dan peratus mengikut penduduk:

JADUAL BAB 7

Tambahan Bilangan Pengundi Dan Peratus Mengikut Penduduk

Tahun	Pengundi	Penduduk	Peratus	Malaysia Barat saja
1958	1,429,993	6,596,000	21.68%	- do -
1959	2,151,139	6,815,000	31.56%	- do -
1960	2,310,747	7,018,000	32.93%	- do -
1961	2,423,085	7,250,000	33.42%	- do -
1962	2,471,306	7,494,000	32.98%	- do -
1963	2,574,890	7,707,000	33.41%	- do -
1964	2,762,868	7,922,526	34.87%	- do -
1965	2,908,462	8,157,000	35.66%	- do -
1966	2,968,537	8,415,448	35.27%	- do -
1967	3,193,799	9,109,725	35.06%	- do -
1968	3,658,617	10,455,119	35.99%	Malaysia Barat/ Malaysia Timor
1969	3,843,732	10,732,230	35.81%	Malaysia Barat/ Malaysia Timor.
1970	-	-	-	-
1971	-	-	-	-
1972	4,195,367	11,024,070	38.06%	Malaysia Barat/ Malaysia Timor.
1973	4,318,405	11,412,974	38.05%	Malaysia Barat/ Malaysia Timor.

Punca: Malaysia, Peranan, Susunan dan Perjawatan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Kuala Lumpur, 1973, m.s.

Jadual tadi menunjukkan bilangan mengundi yang mendaftar adalah bertambah tiap-tiap tahun.

Sekarang perkara mengenai kelayakan pemilih ada disebutkan dalam Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tugas untuk menyediakan dan menyamak daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya adalah terletak di atas Suruhanjaya Pilihanraya sesuai dengan peruntukan Perkara 113(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara-perkara mengenai pendaftaran pemilih ada disebutkan dalam Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970) dan dalam Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya 1971.

Kelayakan Pemilih

Syarat-syarat kelayakan pemilih bagi pilihanraya di Malaysia adalah seperti berikut:⁷⁹

- a) Berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun pada tarikh yang ditetapkan sebagai tarikh kelayakan;
- b) Warganegara Malaysia;
- c) Bermastautin di dalam kawasan pilihanraya kecuali pengundi tidak hadir pada tarikh yang ditetapkan sebagai tarikh kelayakan.

Mereka ini adalah layak untuk mengundi bagi pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Negeri. Tiap-tiap seorang yang layak menjadi

⁷⁹ Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119.

pengundi hanya boleh mendaftarkan diri sebagai pemilih bagi satu kawasan pilihanraya saja bagi satu-satu tempoh berkuatkuasanya daftar pemilih.⁸⁰

Merdeka yang tidak layak menjadi pengundi ialah
sekitarnya:

- i) Pada tarikh yang ditetapkan sebagai tarikh kelayakan ia sedang ditahan atau sedang menjalani hukuman penjara;
- ii) Sebelum tarikh yang ditetapkan sebagai tarikh kelayakan telah disabitkan bersalah dimana-mana bahagian Komawel, dan dihukum mati atau penjara selama dua belas bulan dan hukuman tersebut masih berjalan pada tarikh yang ditetapkan sebagai tarikh kelayakan.⁸¹

Pengundi tidak hadir ialah pengundi-pengundi mengundi melalui pos. Hanya wargenegara Malaysia yang memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut sahaja yang layak didaftarkan sebagai pengundi tidak hadir:⁸²

- i) Seorang yang sedang berkhidmat sebagai anggota tentera laut, tentera darat dan tentera Udara Malaysia;

⁸⁰ Mohd. Suffian Hashim, An Introduction to the Constitution of Malaysia, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972, m.s. 72.

⁸¹ Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119(3), lihat juga Mohd. Suffian Hashim, Op. cit., m.s. 72.

⁸² Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971, Seksyen 2(1), lihat juga, Suffian Hashim, Op. cit.

- ii) Seorang yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan-badan berkanun yang sedang bertugas diluar sempadan Malaysia Barat atau Malaysia Timur.
- iii) Seseorang yang sedang menamatkan sepenuhnya masa di Universiti, Maktab Teknik, Maktab Latihan atau lain-lain Institusi Pendidikan diluar sempadan Malaysia Barat atau Malaysia Timur.
- iv) Anggota polis boleh juga didaftarkan sebagai pengundi yang mengundi dengan cara pos.
- v) Isteri/suami orang yang layak didaftarkan sebagai pengundi tidak hadir.

Mereka yang berdaftar sebagai pengundi tidak hadir akan diberikan kertas undi melalui pos lebih awal daripada hari mengundi dan hendaklah menyerahkannya kepada Pegawai Pengurus selewat-lewatnya pukul lima petang pada hari mengundi. Disamping membori peluang kepada mereka yang baru layak menjadi pemilih, pemilih-pemilih lama yang telah berpindah tempat tinggal dan sebagainya dapat juga mendaftarkan diri sebagai pemilih ditempat tinggal barunya.

Pendaftaran Pemilih

Tugas untuk menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih adalah terserah kepada Suruhanjaya sesuai dengan peruntukan Perkara 113(1) Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada itu Suruhanjaya Pilihanraya juga diberikan

kuasa untuk melantik beberapa orang pegawai berkaitan dengan kerja pendaftaran pemilih. Ini disebut dalam Seksyen 8 Akta Pilihanraya 1958.⁸³ Pengambilan pekerja ini juga dibuat sesuai dengan peruntukan Perkara 115(1) Perlembagaan Persekutuan. Antara Pegawai-pegawai yang dilantik ialah Ketua Pegawai Pendaftaran, Timbalan Ketua Pegawai Pendaftaran, Pegawai Pendaftaran, Pegawai Penyemak dan lain-lain lagi.

Tiap-tiap pegawai pendaftaran perlu menyediakan, menerbitkan dan menyemak sesuatu daftar pemilih untuk sesuatu kawasan pilihanraya.⁸⁴ Tiap-tiap seorang yang layak menjadi pengundi hanya boleh mendaftarkan diri sebagai pemilih bagi satu kawasan pilihanraya sahaja bagi satu-satu tempoh berkuatkuasanya daftar pemilih.⁸⁵ Umpamanya jika A hanya boleh mendaftarkan diri di kawasan tempat tinggalnya sahaja, dalam masa pendaftaran, dan sekiranya ia berpindah ke tempat lain, maka bolehlah ia mendaftarkan diri sebagai pemilih ditempat barunya dan membatalkan pendaftarannya ditempat lama.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan 13(4) Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971, bagi seseorang yang mendaftarkan diri, sebagai pemilih melebihi daripada satu kawasan mengundi pada satu-satu masa. Berkaitan dengan

⁸³ Malaysia, Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970).

⁸⁴ Ibid., Seksyen 9.

⁸⁵ Ibid., Seksyen 10.

pendaftaran pemilih ini, Suruhanjaya Pilihanraya diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan (dengan persetujuan Yang Di Pertuan Agong).⁸⁶ Peraturan ini telah dibuat dan dikenali dengan nama Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971.

Tiap-tiap kawasan pilihanraya Parlimen dianggap sebagai sebuah kawasan pendaftaran yang dibahagikan kepada beberapa pendaftaran.⁸⁷ Tiap-tiap unit pendaftaran ada daftar pengundinya sendiri. Kedua-dua pengundi Parlimen dan Dewan Negeri adalah didaftarkan dalam daftar pengundi yang sama. Seseorang pengundi berdaftar adalah berhak mengundi dalam suatu pilihanraya Parlimen atau pilihanraya negeri.⁸⁸

Suruhanjaya Pilihanraya akan meminta (melalui notis yang disiarkan dalam Warta) tiap-tiap orang yang berkeelayakan dan hendak didaftarkan sebagai seorang pemilih Parlimen dalam mana-mana negeri dan tiap-tiap orang yang berkeelayakan dan hendak didaftarkan sebagai seorang pemilih negeri dalam negeri itu menghantar permohonannya kepada pegawai pendaftaran. Permohonan ini hendaklah dihantar dalam tempuh yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang mana tempuh itu tidak kurang daripada tiga puluh hari dan tidak lebih dari enam puluh hari.⁸⁹

⁸⁶ Ibid., Seksyen 15.

⁸⁷ Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya 1971, Peraturan 3(1).

⁸⁸ Ibid., Peraturan 5.

⁸⁹ Ibid., Peraturan 8(1).

Apabila permohonan-permohonan itu telah diterima, maka Pegawai Pendaftar adalah berkewajiban menyiapkan daftar-daftar pengundi itu dengan dimasukan kedalamnya mana-mana orang yang difikirkan olehnya layak menjadi pengundi.⁹⁰

Setelah daftar pengundi itu siap, maka hendaklah disiarkan satu pemberitahu dalam Warta Kerajaan bahawa daftar pengundi yang telah siap itu boleh diperiksa di dalam Pejabat Pegawai Pengundi atau Penolong Pegawai Pengundi pada ketika yang ditentukan.⁹¹

Sesiapa yang tidak puashati mengenai daftar pengundi yang telah disiapkan dan telah disiarkan itu, samada dengan sebab namanya tidak terkandung dalam daftar itu ataupun dengan sebab nama orang lain yang tidak layak ada terkandung didalamnya, maka bolehlah dia membuat tuntutan supaya namanya boleh dimasukan ke dalam daftar itu atau membuat bantahan supaya dibatalkan nama orang yang sedang terkandung di dalam daftar itu.⁹² Bantahan dan tuntutan ini hendaklah dibuat di dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh disiarkan pemberitahu mengenai penyilapan daftar pengundi itu dalam Warta Kerajaan. Apabila tuntutan itu dibuat, maka hendaklah Pegawai Pendaftar menampalkan ditempat yang terang di dalam pejabatnya satu pemberitahu yang mengandungi

⁹⁰ Ibid., Peraturan 9(1).

⁹¹ Ibid., Peraturan 9(4).

⁹² Ibid., Peraturan 10(1).

nama-nama dan alamat-alamat orang yang membuat tuntutan itu. Begitu-
lah juga apabila satu bantahan telah dibuat, maka Pegawai Pendaftaran
hendaklah menghantar satu pemberitahuan kepada orang yang namanya telah
dijadikan sebagai bantahan.⁹³

Setelah itu, Pegawai Pendaftar mengadakan riasatan awam
mengenai tuntutan dan bantahan itu. Dalam penyiasatan ini, orang
yang membuat tuntutan dan bantahan dan orang-orang lain yang ada
mempunyai kepentingan dalam hal ini, bolehlah hadir untuk memberi
pandangan masing-masing dan Pegawai Pendaftar boleh meminta orang
yang membuat tuntutan dan orang yang membuat bantahan supaya memberi
bukti-bukti dan keterangan-keterangan mengenai tuntutan dan bantahan-
nya.⁹⁴ Setelah penyiasatan ini tamat, maka Pegawai Pendaftar pun
hendaklah membuat keputusannya, samada dibenarkan tuntutan atau bantahan
itu atau ditolakkannya sama sekali. Jika pada hari yang ditentukan
diadakan penyiasatan itu orang yang membuat tuntutan dan orang yang
membuat bantahan tidak hadir, maka Pegawai Pendaftar berkuasa menolak
tuntutan dan bantahan itu.

Jika orang yang membuat tuntutan atau orang yang membuat
bantahan atau orang yang telah dijadikan sebagai bantahan tidak puashati
kepada keputusan Pegawai Pendaftar itu, bolehlah dibuat rayuan kepada
Pegawai Penyemak.⁹⁵ Rayuan dengan alasan itu hendaklah didengari

⁹³ Ibid., Peraturan 10(5).

⁹⁴ Ibid., Peraturan 10(6).

⁹⁵ Ibid., Peraturan 11(1).

oleh Pegawai Penyemak di dalam tempat awam,⁹⁶ keputusannya adalah muktamad dan dihantar kepada Pegawai Pendaftar supaya diambil tindakan.⁹⁷

Tiap-tiap daftar pengundi yang telah disiapkan hendaklah diakui sah sebagai muktamad. Ini dibuat dengan disiarkan pemberitahuan dalam Warta Kerajaan bahawa daftar itu diakui sah dan bolehlah diperiksa pada waktu yang patut dalam Pejabat Pegawai Pendaftar atau tempat lain.⁹⁸

Pada tarikh pemberitahuan ini, daftar pengundi yang telah diakui sah adalah berjalan kekuatannya.

Kita telah melihat bagaimana pendaftaran pemilih dibuat. Sekarang ditinjau bagaimana penyemakan daftar pemilih dibuat.

Pada tiap-tiap tahun, tiap-tiap orang yang berkelayakan dan mahu mendaftarkan dirinya sebagai pengundi tetapi belum lagi didaftarkan demikian, ataupun yang sudah didaftarkan tetapi mahu didaftarkan ke dalam kawasan pilihanraya yang lain, bolehlah menghantarkan permohonannya untuk ini kepada Pegawai Pendaftar di dalam tempuh yang tersebut itu.⁹⁹

Apabila permohonan itu diterima oleh Pegawai Pendaftar, maka

⁹⁶Ibid., Peraturan 11(2).

⁹⁷Ibid., Peraturan 11(4).

⁹⁸Ibid., Peraturan 12(1) dan 12(2).

⁹⁹Ibid., Peraturan 13(1).

dia menyemak daftar pengundi itu.¹ Setelah disemak, maka dia perlu menyiarkan satu pemberitahuan dalam Warta Kerajaan menyatakan bahawa penyemakan itu telah siap dan daftar yang telah disemak itu boleh diperiksa di Pejabat Pegawai Pendaftar.²

Ini memberi peluang mereka yang tidak puashati membuat tuntutan dan bantahan mengenai daftar yang disemak itu.³ Tuntutan-tuntutan adalah dibicarakan oleh Pegawai Pendaftar dan boleh dirayukan kepada Pegawai Penyemak dan keputusannya itu adalah muktamad. Keputusan itu dihantar semula kepada Pegawai Pendaftar untuk dibaiki.

Daftar pemilih yang telah disemak diperakui dengan siaran dalam Warta Kerajaan.⁴ Daftar pemilih yang diperakui itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh notis yang ditentukan disiarkan dalam Warta Kerajaan, daftar pemilih itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga daftar pemilih itu diperakui kemudiannya.⁵

Sebagaimana diketahui, pengundi memainkan peranan yang penting dalam sesuatu pilihanraya. Malah fungsi pilihanraya itu

¹Ibid., Peraturan 14(1).

²Ibid., Peraturan 14(6).

³Ibid., Peraturan 15(1).

⁴Ibid., Peraturan 16(1).

⁵Ibid., Peraturan 16(2).

sendiri adalah untuk memberi peluang kepada rakyat memilih wakil mereka. Begitu juga dalam sistem pilihanraya di Malaysia, pengundi adalah memainkan peranan yang penting. Kelayakan-kelayakan yang ditetapkan bagi seseorang pengundi itu adalah semata-mata untuk menentukan bahawa hak itu dapat digunakan oleh orang-orang yang benar-benar layak. Konsep pendaftaran pengundi itu juga untuk menjamin supaya pilihanraya itu dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang penyelewangan oleh mana-mana pihak.

Jelasnya disini pendaftaran pengundi adalah satu faktor penting bagi perjalanan sesuatu sistem pilihanraya. Persediaan pendaftaran pengundi yang baik menjamin kelancaran perjalanan pilihanraya.